

29 JUN 1999

Mahathir-Media

MAHATHIR PERTAHAN AKHBAR TEMPATAN, SELAR MEDIA BARAT

PUTRAJAYA, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan sesetengah akhbar tempatan kerana pendirian mereka yang pro-kerajaan.

Katanya mereka yang berada di belakang akhbar itu percaya kepada sistem dan dasar yang diamalkan oleh kerajaan.

Beliau menyebut akhbar-akhbar tempatan yang berbahasa Inggeris sebagai akhbar yang bersikap demikian.

"Ini perkara biasa. Mereka menyokong ideologi tertentu. Jadi, mereka menulis dengan memberi sokongan kepada kami," kata Dr Mahathir kepada serombongan 18 wartawan Afrika yang mengunjunginya di pejabat beliau di sini.

Dr Mahathir menyatakan perkara itu apabila wartawan-wartawan itu bertanya beliau mengenai dakwaan tentang kurangnya kebebasan akhbar di Malaysia.

Sambil menafikan dakwaan itu, beliau berkata bahawa sebaliknya, akhbar vernakular tempatan bersikap sangat kritikal terhadap kerajaan.

"Media di sini (di Malaysia) adalah bebas, begitu bebas sekali sehingga kami menghadapi masalah untuk menangani mereka yang menulis tentang perkara yang buruk," katanya.

Beliau berkata sesetengah akhbar berbahasa Cina, Tamil dan Melayu bersikap anti-kerajaan.

Pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini, beberapa anggota perwakilan menyelar akhbar Harakah, terbitan parti pembangkang PAS kerana menyiarkan laporan palsu mengenai kerajaan dan negara.

Dr Mahathir berkata media baratlah yang membuat laporan secara negatif mengenai negara ini untuk mensabotaj kerajaan.

Sebagai contoh, katanya, ekor laporan media barat kononnya berlaku kekacauan di Kuala Lumpur, beribu-ribu pelancong membatalkan jadual lawatan mereka ke Malaysia.

Dr Mahathir juga menafikan dakwaan bahawa media tempatan tidak memberi ruang yang secukupnya kepada pembangkang untuk menyuarakan pendapat mereka.

"Tetapi mereka (pembangkang) sememangnya mendapat sokongan penuh media Barat," kata beliau.

Media barat secara terang-terang memberi sokongan dan liputan meluas kepada pendapat pembangkang tetapi tidak akan menyiarkan penjelasan kerajaan terhadap dakwaan-dakwaan itu, katanya.

"Jadi, adillah jika kami mendapat sedikit sokongan daripada media tempatan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tidak logik untuk sesiapa membuat dakwaan yang kerajaan mengenakan tekanan terhadap media tempatan.

"Kami menghargai akhbar tetapi mereka perlu berlaku adil bukan sahaja kepada pembangkang tetapi juga kepada kerajaan," katanya.

Perdana Menteri juga memuji media tempatan kerana bersikap bertanggungjawab dengan tidak melaporkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan perasaan benci antara kaum.

-- BERNAMA

ES RYN NMO